

Misi hantar angkasawan kedua ke ISS diteruskan

B.4 31/10/08 MK19
Program pertingkat keupayaan rakyat bidang sains, teknologi

Oleh Nurul Farina Nazlan
nfarina@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan tidak berhasrat menghentikan penghantaran angkasawan kedua-negara ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) yang dijadualkan pada 2011 kerana ia banyak memberi kebaikan kepada negara, khususnya dalam pembangunan sains dan teknologi.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Fadillah Yusuf, berkata program itu mampu mempertingkatkan keupayaan masyarakat

dalam bidang sains dan teknologi, terutama pelajar kerana mereka sangat berminat mendalami ilmu sains berikutan penghantaran angkasawan ke ISS.

"Kita tidak mahu rakyat hanya tahu asas sains dan teknologi saja, tetapi kita inginkan supaya mereka mampu membangunkan aplikasi daripada bidang ini. Kita lihat angkasawan negara sendiri banyak turun ke program masyarakat dan menjadi ikon kepada golongan belia terutama pelajar.

"Kita percaya, Mejar Dr Faiz Khaleed mampu melak-

sanakan tanggungjawab jika dihantar ke ISS sama seperti Datuk Sheikh Muszaphar Shukor dan negara mampu memantapkan lagi bidang sains dan teknologi," katanya ketika dihubungi di sini.

Fadillah berkata, kementerian masih meneruskan latihan terhadap Dr Faiz dan akan mengkaji pandangan daripada semua pihak serta kaedah yang akan digunakan bagi menjayakan bagi program itu melalui peruntukan yang bakal diberikan kerajaan.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas ke-

nyataan Sheikh Muszaphar dalam catatannya di ruangan coretan angkasawan akhbar ini yang menggesa kerajaan menangguhkan penghantaran angkasawan kedua buat seketika.

Sementara itu, Dr Faiz pula berkata, penghantaran angkasawan kedua negara perlu dilihat dari sudut yang lebih positif dan inti patinya terutama ia membabitkan bukan saja keyakinan rakyat Malaysia malahan seluruh dunia.

"Ia bukan membabitkan individu tapi lebih kepada misi yang ingin dicapai negara," katanya.



“Kita percaya, Mejar Dr Faiz Khaleed mampu melaksanakan tanggungjawab jika dihantar ke ISS sama seperti Datuk Sheikh Muszaphar Shukor”

Fadillah Yusuf
Timbalan Menteri Sains,
Teknologi dan Inovasi